

01 OCT 1998

Sanusi-basikal

SANUSI CADANG PEMUDA UMNO KEDAH BERBASIKAL KE PERHIMPUNAN PERDANA DI KL

ALOR SETAR, 1 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid mencadangkan supaya anggota Pemuda Umno di negeri ini beramai-ramai menaiki basikal ke Kuala Lumpur bagi menyertai Perhimpunan Perdana Pemuda Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional pada 10 Okt ini.

"Sukan Komanwel baru sahaja selesai, tetapi saya percaya semangat kesukanan anggota-anggota Umno masih membara untuk berbasikal dari sini ke Bukit Jalil," katanya kepada pemberita selepas penyampaian hadiah Pertandingan Pidato Piala Menteri Besar di sini hari ini.

Sanusi yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah berkata, konvoi mengayuh basikal ke ibu negara itu boleh diadakan juga dengan kerjasama Umno Perlis bagi meramaikan bilangan peserta dan memeriahkan suasana.

Katanya, konvoi itu boleh memulakan perjalanan pada 7 Okt ini untuk tiba ke perhimpunan itu tepat pada masanya.

"Mereka yang bukan anggota Umno yang ingin turut serta dalam konvoi itu boleh juga berbuat demikian, dengan syarat mereka memohon menjadi anggota Umno mulai sekarang," kata beliau.

Dijangka 100,000 anggota komponen BN dari seluruh negara akan menyertai perhimpunan itu sebagai usaha Pemuda BN menjelaskan isu semasa.

Sanusi berkata Umno Kedah akan berkempen supaya anggota-anggotanya dapat hadir ke perhimpunan itu sebanyak mungkin.

"Selain berbasikal mereka juga boleh pergi secara persendirian dengan menaiki pengangkutan awam yang sedia ada," katanya.

Beliau juga berkata tidak ada di kalangan 14 bahagian UMNO di Kedah yang dipergunakan untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan menyingkirkan pemimpin-pemimpin yang terlibat, jika ada bukti," katanya.

-- BERNAMA

MN MAI